



## **NEGERI SABAH**

[ JPAN: 700-4/1 JLD. 8(114) ]

### **PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 6/2022**

#### **PINDAAN KADAR ELAUN MAKAN, BAYARAN SEWA HOTEL DAN ELAUN LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI DI DALAM DAN DI LUAR NEGERI SERTA ELAUN GANTIAN MAKAN DAN BAYARAN SEWA HOTEL KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH**

#### **TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan menambah baik kadar bagi tuntutan Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing semasa bertugas rasmi di dalam dan di luar negeri serta Elaun Gantian Makan dan Bayaran Sewa Hotel kerana bertukar/berpindah rumah seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2013 dan Bahagian III, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## LATAR BELAKANG

2. Pada masa ini kadar Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing semasa bertugas rasmi di dalam dan di luar negeri serta Elaun Gantian Makan dan Bayaran Sewa Hotel kerana bertukar/berpindah rumah adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2013.

3. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menambah baik kadar bagi tuntutan Elaun Makan, Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing semasa bertugas rasmi di dalam dan di luar negeri serta Elaun Gantian Makan dan Bayaran Sewa Hotel kerana bertukar/berpindah rumah seperti yang terkandung dalam Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2013 dan Bahagian III, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008.

## TAFSIRAN

4. Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:

4.1 “Gred” bermakna Gred Gaji di bawah Sistem Saraan Malaysia mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 2002 dan pindaannya. Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima Sistem Saraan Malaysia (SSM) boleh terus mengemukakan tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran di bawah Pekeliling ini berdasarkan Gred/Kategori masing-masing di bawah Sistem Saraan Baru (SSB) atau Kumpulan Gaji masing-masing di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) mengikut mana yang berkenaan. Jadual perubahan/perbandingan adalah seperti di **Lampiran A**.

**“SABAH MAJU JAYA”**

- 4.2 "Luar Pejabat" ertinya tempat pegawai menjalankan tugas di mana jarak dari pejabat adalah seperti yang berikut:
- (a) 25 km jika boleh dihubungi oleh jalan raya; atau
  - (b) 16 km jika boleh dihubungi oleh jalan tanah yang boleh dilalui oleh kenderaan bermotor; atau
  - (c) 8 km jika boleh dihubungi hanya oleh jalan basikal dan/atau air ;
- 4.3 "Tugas Rasmi" bermakna tugas yang berkaitan dengan tugas pejabat selain daripada menghadiri kursus-kursus yang dibenarkan.

### **TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN**

5. Ketua Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut:
- 5.1 memastikan tuntutan yang dikemukakan oleh pegawai yang menjalankan tugas rasmi adalah teratur, munasabah dan berpatutan; dan
  - 5.2 menyediakan garis panduan dalaman yang sesuai di Jabatan sebagai satu bentuk kawalan bagi mengelakkan pembaziran.

### **TANGGUNGJAWAB PEGAWAI**

6. Pegawai adalah bertanggungjawab memastikan tuntutan yang dikemukakannya adalah teratur, munasabah, berpatutan dan mematuhi peraturan yang berkuat kuasa.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## BERTUGAS RASMI DI DALAM NEGERI

7. Seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar pejabat di dalam negeri adalah layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat seperti berikut:

### 7.1 Elaun Makan (Peraturan 70)

7.1.1 seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar pejabat selama 24 jam atau lebih yang dikira mulai dari waktu bertolak adalah layak menuntut Elaun Makan mengikut kadar seperti yang berikut:

Gred	Kadar (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	225.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	195.00
54	190.00
52 dan 53	175.00
45 hingga 48	140.00
41 hingga 44	125.00
29 hingga 40	120.00
19 hingga 26	115.00
18 dan ke bawah	110.00

7.1.2 Elaun Makan tidak boleh dibayar untuk masa bertugas yang melebihi tiga (3) bulan terus-menerus termasuk hari kelepasan am dan mingguan;

7.1.3 sekiranya sebahagian daripada kemudahan makan disediakan, pegawai hanya layak menuntut bahagian makan yang tidak disediakan itu tertakluk kepada kadar seperti yang berikut:

**“SABAH MAJU JAYA”**

- (a) sarapan pagi - 20% daripada Elaun Makan.
- (b) makan tengah hari - 40% daripada Elaun Makan.
- (c) makan malam - 40% daripada Elaun Makan.

7.1.4 sekiranya pihak penganjur menyediakan kemudahan dalam bentuk wang bagi menampung perbelanjaan makan tersebut maka pegawai layak menuntut perbezaannya.

## 7.2 Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing

(Peraturan 72)

7.2.1 seseorang pegawai yang menjalankan tugas rasmi di luar pejabat dan perlu menginap layak menuntut Bayaran Sewa Hotel yang disokong dengan resit tertakluk kepada had maksimumnya atau Elaun Lojing mengikut kadar seperti yang berikut:

Gred Jawatan	Sewa Hotel (RM)	Elaun Lojing (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Sebenar ( <i>Standard Suite</i> )	170.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	Sebenar ( <i>Deluxe/Superior</i> )	165.00
54	Sebenar ( <i>Deluxe/Superior</i> )	160.00
52 dan 53	460.00	150.00
45 hingga 48	420.00	140.00
41 hingga 44	370.00	130.00
29 hingga 40	320.00	120.00
19 hingga 26	290.00	110.00
18 dan ke bawah	260.00	100.00

7.2.2 Kementerian/Jabatan dibenarkan membuat pembayaran sewa hotel/penginapan melalui tempahan kerajaan bagi meringankan beban pegawai.

**“SABAH MAJU JAYA”**

## BERTUGAS RASMI DI LUAR NEGERI

8. Seseorang pegawai yang dikehendaki menjalankan tugas rasmi di luar negeri layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran mengikut kadar dan syarat seperti yang berikut:

### 8.1. Elaun Makan

(Peraturan 84)

8.1.1 kadar Elaun Makan semasa bertugas rasmi di luar negeri adalah seperti yang berikut:

Gred Jawatan	Kadar Sehari (RM)
Utama/Khas 'A' dan ke atas	420.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	390.00
53 dan 54	370.00
45 hingga 52	320.00
44 dan ke bawah	<b>Seperti di Lampiran B</b>

8.1.2 sekiranya penganjur menyediakan kemudahan bagi menampung perbelanjaan makan tersebut dalam bentuk wang, maka pegawai layak menuntut perbezaannya.

### 8.2. Bayaran Sewa Hotel dan Elaun Lojing

(Peraturan 86)

8.2.1 seseorang pegawai layak menuntut Bayaran Sewa Hotel atas kadar sebenar mengikut jenis bilik seperti yang berikut:

Gred Jawatan	Jenis Bilik
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Suite Biasa ( <i>Standard Suite</i> )
Pegawai selain daripada di atas	Biasa

**“SABAH MAJU JAYA”**

8.2.2. bagi maksud memohon pendahuluan diri, kadar-kadar dalam **Lampiran B** adalah digunakan sebagai panduan.

8.2.3. seseorang pegawai layak menuntut Elaun Lojing mengikut kadar-kadar yang ditetapkan dalam **Lampiran B** jika tidak menuntut Bayaran Sewa Hotel.

## **ELAUN-ELAUN KERANA BERTUKAR/BERPINDAH RUMAH**

9 Seseorang pegawai yang diarah bertukar termasuk pertukaran kerana mendapat jawatan baru dalam kerajaan tetapi tidak termasuk pertukaran atas permintaan sendiri layak menuntut elaun seperti yang berikut :

### **9.1 Elaun Gantian Makan dan Bayaran Sewa Hotel**

(Peraturan 99)

9.1.1. kadar Elaun Gantian Makan adalah seperti yang berikut:

<b>Gred</b>	<b>Kadar (RM)</b>
Utama/Khas 'A' dan ke atas	225.00
Utama/Khas 'B' dan 'C'	195.00
54	190.00
52 dan 53	175.00
45 hingga 48	140.00
41 hingga 44	125.00
29 hingga 40	120.00
19 hingga 26	115.00
18 dan ke bawah	110.00

**“SABAH MAJU JAYA”**

9.1.2 kadar Bayaran Sewa Hotel adalah seperti yang berikut :

<b>Gred Jawatan</b>	<b>Sewa Hotel (RM)</b>
Utama/Khas 'A' dan ke atas	Sebenar ( <i>Standard Suite</i> )
Utama/Khas 'B' dan 'C	Sebenar ( <i>Deluxe/Superior</i> )
54	Sebenar ( <i>Deluxe/Superior</i> )
52 dan 53	460.00
45 hingga 48	420.00
41 hingga 44	370.00
29 hingga 40	320.00
19 hingga 26	290.00
18 dan ke bawah	260.00

## **TARIKH KUAT KUASA**

10. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

## **PINDAAN**

11. Dengan berkuat kuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar seperti di perenggan 2.1, perenggan 2.2, perenggan 3.1, perenggan 3.2 dan perenggan 4.1, Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil. 5/2013 adalah dipinda kepada **kadar baharu** seperti dalam Pekeliling Perkhidmatan ini.


**“SABAH MAJU JAYA”**



## PEMAKAIAN

12. Tertakluk kepada penerimaan pakai Pekeliling Perkhidmatan oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



( DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP )

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : **03 NOV 2022**

s.k.: Setiausaha Tetap  
Kementerian Kewangan Negeri Sabah  
Blok C, Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

Bendahari Negeri  
Jabatan Bendahari Negeri Sabah  
Level 8,9,10 dan 11, Blok A  
Menara Kinabalu  
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat  
**88400 KOTA KINABALU**

“SABAH MAJU JAYA”

Diedarkan kepada: Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Daerah Kecil

**“SABAH MAJU JAYA”**

**JADUAL PERUBAHAN/PERBANDINGAN BAGI PEGAWAI YANG TIDAK MEMILIH  
SISTEM SARAAN MALAYSIA**

<b>SISTEM SARAAN</b>				
<b>KELAYAKAN</b>	<b>KUMPULAN (JAWATANKUASA KABINET 1977-1991)</b>		<b>SISTEM SARAAN BARU (SSB)</b>	<b>SISTEM SARAAN MALAYSIA (SSM)</b>
Ijazah	Kump. A	<i>Staff Grade I</i>	Turus I	Turus I
		<i>Staff Grade II</i>	Turus II	Turus II
		<i>Staff Grade III</i>	Turus III	Turus III
		Tingkatan Tertinggi A	Gred Utama/ Khas A	Gred Utama/ Khas A
		Tingkatan Tertinggi B	Gred Utama/ Khas B	Gred Utama/ Khas B
		Tingkatan Tertinggi C	Gred Utama/ Khas C	Gred Utama/ Khas C
		Tingkatan Tertinggi D Tingkatan Tertinggi E	Gred 1	Gred 55/56 Gred 53/54
		Tingkatan Tertinggi F Tingkatan Tertinggi G	Gred 2	Gred 45 hingga 52
		Tingkatan Kanan Tingkatan Biasa	Gred 3	Gred 41 hingga 44
Diploma & STPM	Kump. B	Tingkatan Tertinggi Tingkatan Kanan Tingkatan Biasa	Gred 4 hingga 16	Gred 29 hingga 40
SPM	Kump. C	Tingkatan Tertinggi Tingkatan Kanan Tingkatan Biasa		Gred 19 hingga 28
PMR/SRP dan ke bawah	Kump. D & IMG	-		Gred 11 hingga 18

**“SABAH MAJU JAYA”**

**KADAR ELAUN MAKAN, SEWA HOTEL / ELAUN LOJING SEMASA BERTUGAS RASMI  
DI LUAR NEGERI**

<b>Kategori</b>	<b>Elaun Makan (RM)</b>	<b>Sewa Hotel (RM)</b>	<b>Elaun Lojing (RM)</b>
Kategori I	225.00	500.00	150.00
Kategori II	245.00	540.00	170.00
Kategori III	265.00	580.00	190.00
Kategori IV	285.00	620.00	210.00
Kategori V	305.00	660.00	230.00

<b><u>KATEGORI I</u></b>					
Afghanistan	Egypt	Kosovo	Maldives	Syria	Tunisia
Aruba	Georgia	Kyrgyzstan	Nepal	Tajikistan	Uzbekistan
Azerbaijan	India	Libya	Pakistan	Turkmenistan	Syria
<b><u>KATEGORI II</u></b>					
Albania	Bulgaria	Gabon	Malawi	Palau	Somalia
Algeria	Burkina Faso	Gambia	Malaysia	Paraguay	Sri Lanka
Angola	Burundi	Ghana	Mali	Peru	Tanzania
Argentina	Cameroon	Guinea	Mauritania	Philippines	Timor Leste
Armenia	Cape Verde	Guinea-Bissau	Mexico	Republic of Congo	Togo
Bangladesh	Central African Republic	Indonesia	Moldova	Romania	Turkey
Belarus	Chad	Iran	Mongolia	Russia	Uganda
Benin	Colombia	Iraq	Montenegro	Rwanda	Ukraine
Bhutan	Comoros	Ivory Coast	Morocco	Sao Tome and Principle	Vietnam
Bolivia	Democratic Republic of Congo	Kazakhstan	Niger	Senegal	Western Sahara
Bosnia And Herzegovina	Equatorial Guinea	Laos	Nigeria	Serbia	Zambia
Botswana	Eswatini	Liberia	North Macedonia	Sierra Leone	

**“SABAH MAJU JAYA”**

**KATEGORI III**

Belize	Cuba	Guatemala	Madagascar	Portugal	Tonga
Brazil	Czech Republic	Honduras	Mayotte	Saudi Arabia	Tuvalu
Brunei	Djibouti	Hungary	Mozambique	Slovakia	Vanuatu
Cambodia	Ecuador	Israel	Myanmar	South Africa	Wallis and Fatun
Cayman Island	El Salvador	Kenya	Namibia	Sudan	
Chile	Fiji	Latvia	Nicaragua	Suriname	
China	French Guiana	Lesotho	Palestine	Thailand	
Croatia	Grenada	Lithuania	Poland	Tokelau	

**KATEGORI IV**

Bahrain	Ethiopia	Jamaica	Oman	Spain	Zimbabwe
Costa Rica	Gilbratar	Jordan	Panama	Trinidad And Tobago	
Cyprus	Greece	Kuwait	Papua New Guinea	Turks and Caicos Islands	
Eritrea	Guyana	Mauritius	Slovenia	Uruguay	
Estonia	Haiti	North Korea	Solomon Islands	Yemen	

**KATEGORI V**

Andorra	Cook Islands	Iceland	Macau	Qatar	Sweden
Anguilla	Denmark	Ireland	Malta	Puerto Rico	Switzerland
Antigua and Barbuda	Dominica	Isle of Man	Marshall Island	Saint Helena	Taiwan
Australia	Dominican Republic	Israel	Micronesia	Saint Kits and Nevis	United Arab Emirates
Austria	Faroe Island	Italy	Monaco	Saint Lucia	South Sudan
Bahamas	Finland	Japan	Montserrat	Saint Vincent and Grenadines	United Kingdom
Barbados	France	Jersey	Nauru	Samoa	United States
Belgium	Germany	Kiribati	Netherlands	San Marino	United States Virgins Islands
Bermuda	Greenland	Lebanon	New Zealand	Seychelles	
British States Virgins Islands	Guernsey	Liechtenstein	Niue	Singapore	
Canada	Hong Kong	Luxembourg	Norway	South Korea	

**“SABAH MAJU JAYA”**